



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MARDI URGES FARMERS NOT TO USE CL3 PADI, NATION, THE STAR -3 VARIETI PADI CL3 BENIH TIDAK SAH, BUKAN TEKNOLOGI MARDI, NASIONAL, SH -19 VARIETI PADI CL3 BUKAN TEKNOLOGI DARI MARDI DAN BUKAN BENIH PADI YANG SAH, PREBIU.COM -ONLINE CL3 PADDY NOT DEVELOPED BY MARDI, NATION, SIN CHEW DAILY -20 VARIETI PADI CL3 BUKAN BENIH MARDI, NASIONAL, BH -22	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8.	KELANTAN PANTAU RERAMA MUSNAH JAGUNG SUSU, NASIONAL, BH -22 ANCAMAN KUPU-KUPU JAGUNG TERAWAL, DALAM NEGERI, UM -12 SERANGAN RERAMA MUSNAHKAN JAGUNG, NEGERI KELANTAN/PERAK, SH -28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
9.	JPV TAK SEDIA BANTUAN KHUSUS KEPADA KELUARGA MOWGLI MALAYSIA, LOKAL, HM -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	ANAK NELAYAN TERIMA PAMPASAN, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11.	MANFAATKAN KELEBIHAN MORATORIUM, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
12.	PENCEMARAN HABUK KILANG PADI ANCAM PENDUDUK, DALAM NEGERI, UM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Mardi urges farmers not to use CL3 padi

KUALA LUMPUR: The padi variety known as CL3 is not a product of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) crop stable.

Mardi was responding to a viral video showing what seemed like a farmer or padi-based entrepreneur promoting the padi variety.

The video also compared yield results of the CL3 with the CL (Clearfield) and CL2 varieties produced by Mardi to contain the *padi angin*, or weedy rice menace.

The agency said among the reasons why CL3 can't be used is because it is not an endorsed variety as CL seeds can only be produced in Mardi stations, and varieties sold by irresponsible parties could potentially result in losses. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Varieti padi CL3 benih tidak sah, bukan teknologi MARDI

KUALA LUMPUR - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) semalam menafikan varieti padi dikenali sebagai CL3 yang dipromosikan oleh satu klip video yang tular dihasilkan oleh teknologinya.

Sehubungan itu, MARDI menggesa pesawah agar tidak membeli atau menggunakan benih CL3 tersebut.

“Antara sebab CL3 tidak boleh digunakan kerana varieti itu bukan benih padi yang sah.

“Pengeluaran benih baka CL (*Clearfied*) hanya dilaksanakan dalam stesen MARDI dan varieti yang dijual pihak tidak bertanggungjawab berpotensi besar

mendatangkan kerugian kepada petani,” kata agensi itu dalam satu kenyataan semalam.

Kenyataan tersebut dikeluarkan susulan penyebaran klip video berdurasi empat minit yang menampilkan seorang pesawah atau pengusaha padi mempromosi, menjual dan menggalakkan pesawah lain menggunakan benih varieti padi tersebut.

Video itu turut membandingkan hasil yang diterima daripada varieti CL3 dengan varieti CL dan CL2 yang dihasilkan MARDI bagi mengawal padi angin yang merupakan ancaman kepada hasil tuaian. - *Bernama*

Varieti Padi CL3 Bukan Teknologi Dari MARDI Dan Bukan Benih Padi Yang Sah

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menegaskan bahawa varieti padi yang diberi nama CL3 adalah bukan varieti hasil teknologi MARDI.

Kenyataan ini dilakukan susulan sebuah video berdurasi hampir 4 minit yang tular di mana seorang pesawah / pengusaha padi mempromosikan dan menjual benih varieti padi CL3 serta menggalakkan pesawah lain untuk menggunakan varieti tersebut.



KENYATAAN MEDIA

VARIETI PADI CL3 BENIH TIDAK SAH DAN BUKAN TEKNOLOGI MARDI

SERDANG, 28 September 2020 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menegaskan bahawa varieti padi yang diberi nama CL3 adalah bukan varieti hasil teknologi MARDI.

Kenyataan ini dilakukan susulan sebuah video berdurasi hampir 4 minit yang tular di mana seorang pesawah / pengusaha padi mempromosikan dan menjual benih varieti padi CL3 serta menggalakkan pesawah lain untuk menggunakan varieti tersebut. Video tersebut turut membandingkan hasil yang diterima daripada varieti CL3 dengan varieti CL (Clearfield) dan CL2. Varieti CL dan CL2 yang dihasilkan MARDI bertujuan untuk mengawal padi angin yang merupakan ancaman kepada hasil tuaian.

Susulan dengan penulisan video tersebut, MARDI ingin menggesa semua pesawah padi untuk tidak menggunakan varieti yang diberi nama CL3 kerana:

1. Varieti Padi yang dipromosikan di dalam video tersebut bukanlah teknologi MARDI dan tidak pasti kesahihannya.
2. Varieti Padi di dalam video tersebut bukan merupakan benih padi yang sah.
3. Pengeluaran benih baka CL hanya dilaksanakan di dalam stesen MARDI.
4. Varieti yang dijual oleh pihak yang tidak bertanggungjawab berpotensi besar untuk mendatangkan kerugian kepada petani.

Maka dengan itu, kami menggesa warga petani untuk tidak membeli dan menggunakan benih CL3 seperti yang didakwa.

Untuk maklumat lanjut, tuan puan boleh berhubung dengan Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras MARDI, Dr. Asfaliza Binti Ramli melalui emel aliza@mardi.gov.my atau no telefon 03 8953 6200.

Sekian terima kasih

Pusat Komuniti-Kooperat
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
(MARDI)



Video tersebut turut membandingkan hasil yang diterima daripada varieti CL3 dengan varieti CL (Clearfield) dan CL2. Varieti CL dan CL2 yang dihasilkan MARDI bertujuan untuk mengawal padi angin yang merupakan ancaman kepada hasil tuaian.

Susulan dengan penulisan video tersebut, MARDI ingin menggesa semua pesawah padi untuk tidak menggunakan varieti yang diberi nama CL3 kerana:

1. Varieti Padi yang dipromosikan di dalam video tersebut bukanlah teknologi MARDI dan tidak pasti kesahihannya.
2. Varieti Padi di dalam video tersebut bukan merupakan benih padi yang sah.
3. Pengeluaran benih baka CL hanya dilaksanakan di dalam stesen MARDI.
4. Varieti yang dijual oleh pihak yang tidak bertanggungjawab berpotensi besar untuk mendatangkan kerugian kepada petani.

Maka dengan itu, kami menggesa warga petani untuk tidak membeli dan menggunakan benih CL3 seperti yang didakwa.

Untuk maklumat lanjut, tuan puan boleh berhubung dengan Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras MARDI, Dr. Asfaliza Binti Ramli melalui emel aliza@mardi.gov.my atau no telefon 03 8953 6200.



Headline	CL3 paddy not developed by MARDI		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	29 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	20	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,935



求真/小撇步

CL3水稻非MARDI研發 稻農受促勿購買採用

（八打灵再也28日讯）大马农业研究与发展局（MARDI）澄清，网上流传的CL3水稻品种并不是该局所研发的，并敦促所有稻农不要购买及采用有关品种的稻米。

该局是针对最近在网上传流一段有关CL3水稻品种的推销视频，发文告这么表示，并指出该视频中的水稻品种并不是真的水稻种子，其真实性

尚有待确认。

MARDI强调，所有CL水稻品种的种子都只会在该局的中心生产，而由不负责任的一方所出售的水稻品种，将很大可能造成稻农的损失。

在社交媒体上流传的一段时长约4分钟的视频中，显示一名农民正在为CL3水稻进行推销，鼓励其他农民也采用该品种的水晶，并将CL3与

MARDI研发的CL及CL2两种品种水稻的收成效果进行了比较。

由MARDI研发的CL和CL2水稻品种，旨在控制凤稻（Padi angin）问题——一种由畸形的稻米基因所引起的问题，乃稻农收成的主要威胁。公众可通过致电03-8953 6200或电邮至 aliza@mardi.gov.my，向MARDI稻米研究中心主任阿兹法丽扎查询信息。

Kelantan pantau rerama musnah jagung susu

Bimbang serangan boleh merebak ke negeri jiran

Bachok: Jabatan Pertanian Kelantan sedang memantau serangan sejenis rerama yang kini memusnahkan tanaman jagung susu di Bachok dan dibimbangi boleh merebak dengan cepat ke kawasan lain, terutama di negeri jiran seperti Terengganu dan Pahang.

Pengarahnya, Norbahani Zakaria, berkata mengikut kajian, rerama itu yang boleh terbang sehingga 100 kilometer semalaman, akan hinggap ke atas sesuatu tanaman dan bertelur, manakala larvanya memakan jenis tanaman jangka pendek.

"Lebih membingungkan, spesies ini turut hinggap ke atas tanaman padi dan Kelantan pula sebuah negeri pengeluar padi terbesar di negara ini," katanya kepada pemberita ketika melakukan tinjauan tanaman jagung yang rosak teruk akibat serangan rerama itu di Kampung Sungai di sini, semalam.

Beliau berkata, serangan rerama itu bermula dari Thailand kemudian merebak ke Perlis dan Kedah, manakala di negeri ini ia menyerang tanaman di Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh dan terbaru di Bachok.

Katanya, serangan itu boleh dikawal di peringkat awal dengan semburan racun tetapi jika



Norbahani (dua dari kanan) melawat kawasan jagung yang terjejas akibat serangan ulat Fall Army Worm (gambar kecil) di Kampung Sungai, Bachok, semalam. (Foto Nor Amalina Alias/BH)

ia berlaku pada peringkat pengeluaran buah, pokoknya perlu dipotong dan dibakar sebagai usaha membendung penularannya.

Ketua petani tanaman jagung berkelompok Kampung Sungai, Mohamed Noor Awang Hamat, 71, berkata pihaknya kerugian hampir RM200,000 apabila lebih 70 peratus tanaman musnah akibat serangan itu dalam tempoh

dua minggu lalu.

Beliau berkata, kerugian itu merangkumi benih, pagar, baja, kos buruh dan hasil yang bakal dituai pada awal bulan depan.

Katanya, larva rerama itu turut memakan batang tanaman dari dalam menyebabkan daun menjadi kering dan layu selain memakan bijinya.

Serangan itu turut menyebabkan Syarikat Elite Management iaitu penaja projek tanaman berkenaan terpaksa membatalkan pembelian hasil tanaman itu untuk dieksport ke Singapura.

BERNAMA

Lebih bimbang, spesies ini turut hinggap ke atas tanaman padi dan Kelantan pula sebuah negeri pengeluar padi terbesar di negara ini.

Norbahani Zakaria,
Pengarah Jabatan
Pertanian Kelantan

Varieti padi CL3 bukan benih MARDI

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) semalam menafikan varieti padi dikenali sebagai CL3 yang dipromosikan oleh satu klip video yang tular, dihasilkan oleh teknologinya.

Sehubungan itu MARDI mengesahkan pesawah agar tidak membeli atau menggunakan benih CL3 berkenaan.

"Antara sebab CL3 tidak boleh digunakan ialah varieti itu bukan benih padi yang sah, pengeluaran benih baka CL (Clearfield) hanya dilaksanakan dalam stesen MARDI dan varieti yang dijual pihak tidak bertanggungjawab berpotensi besar mendatangkan kerugian kepada petani," ka-

ta agensi itu dalam kenyataan.

Kenyataan itu dikeluarkan susulan penyebaran klip video berdurasi empat minit yang menampilkan seorang pesawah atau pengusaha padi mempromosi, menjual dan menggalakkan pesawah lain menggunakan benih varieti padi berkenaan.

Video itu turut membandingkan hasil yang diterima daripada varieti CL3 dengan varieti CL dan CL2 yang dihasilkan oleh MARDI bagi mengawal padi angin yang menjadi ancaman kepada hasil tuaian.

Maklumat lanjut, hubungi Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras MARDI, Dr Asfaliza Ramli di 03-89536200 atau e-mel aliza@mardi.gov.my BERNAMA



MARDI menafikan klip video tular mempromosikan varieti padi CL3 dihasilkan oleh teknologinya. (Foto hiasan)

Ancaman kupu-kupu jagung terkawal

KUALA TERENGGANU: Ancaman serangga perosak, kupu-kupu 'fall armyworm' (FAW) pada tanaman jagung di negeri ini masih terkawal.

Timbalan Pengarah Pertanian negeri, Zulkepli Amin Mat Jusoh@Yusof berkata, setakat ini kes dikesan pada skala kecil di tiga daerah iaitu Alor Ketitir, Marang di samping Kuala Bering, Hulu Terengganu dan Kuala Nerus.

Katanya, langkah pengesanan awal yang dilaksanakan membolehkan serangga perosak yang dikatakan mampu terbang sehingga 100 kilometer dalam tempoh satu malam itu, dikawal dan dicegah.

"Kehadiran FAW pada tanaman jagung di negeri ini mula dikesan sejak akhir-akhir ini tetapi tidak seteruk seperti di Bachok, Kelantan.

"Pendedahan awal kepada petani mengenai serangga perosak dan ciri-cirinya membolehkan mereka mengenali FAW sekali gus mengetahui kaedah terbaik mencegahnya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Semalam, akhbar melaporkan keresahan petani di Kampung Sungai, Bachok dengan kerugian mencecah RM200,000 akibat ratusan



Kehadiran FAW pada tanaman jagung di negeri ini mula dikesan sejak akhir-akhir ini tetapi tidak seteruk seperti di Bachok, Kelantan."

**ZULKEPLI AMIN
MAT JUSOH@YUSOF**

hektar tanaman jagung musnah diserang FAW.

Menurut petani, Mohamed Noor Awang Hamat, 72, serangan kupu-kupu tersebut merupakan yang pertama sepanjang 30 tahun dia mengusahakan tanaman komersial itu.

Zulkepli Amin berkata, antara langkah kawalan manual yang disyorkan kepada petani terjejas termasuk penggunaan racun perosak.

"Kita turut mengarahkan pegawai bahagian biosekuriti ke kawasan tanaman bagi membuat ramalan kekuatan serangan," katanya.

Serangan rerama musnahkan jagung

FOTO: BERNAMA



terbesar di negara ini," katanya kepada pemberita ketika melancarkan tinjauan tanaman jagung yang rosak teruk akibat serangan rerama itu di Kampung Sungai ngai di sini semalam.

Beliau berkata, serangan rerama itu bermula dari Thailand kemudian merebak ke Perlis dan Kedah, manakala di Kelantan, ia menyerang tanaman di Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh dan terbaharu di Bachok.

Katanya, serangan itu boleh dikawal di peringkat awal dengan semburan racun tetapi jika berlaku di peringkat pengeluaran buah, pokoknya perlu dipotong dan dibakar bagi membendung penularannya.

Ketua petani tanaman jagung berkelompok Kampung Sungai, Mohamed Noor Awang Hamat, 71, berkata, pihaknya mengalami kerugian hampir RM200,000 apabila lebih 70 peratus tanaman musnah akibat serangan itu dalam tempoh dua minggu lepas.

Beliau berkata, kerugian itu

Jabatan Pertanian pantau gelak serangan merebak ke negeri jiran

BACHOK

Jabatan Pertanian Kelantan sedang memantau serangan sejenis rerama yang kini telah memusnahkan tanaman jagung susu di Bachok dan dibumbangi oleh kawasan lain terutama di negeri jiran seperti Terengganu dan Pahang.

Pengarahnya, Norbahani Zakaria berkata, mengikut kajian, rerama itu yang boleh terbang sehingga 100 kilometer semalaman akan hinggap ke atas sesuatu tanaman dan bertelur, manakala larvanya memakan jenis tanaman jangka pendek.

"Lebih membimbangkan, spesies itu turut hinggap atas tanaman padi dan Kelantan pula sebuah negeri pengeluar padi

Penanaman jagung berkelompok (dari kiri) Mohd Zaki Hanafi, Mohamed Noor dan Mohd Adnan Mohd Zin menunjukkan jagung yang rosak di Kampung Sungai, Bachok, Kelantan semalam.

merangkumi benih, pagar, baja, kos buruh dan hasil yang bakal dituai pada awal bulan depan.

Katanya, larva rerama itu turut memakan batang tanaman-

dari dalam menyebabkan daun menjadi kering dan layu selain memakan bijunya.

Serangan itu turut menyebabkan Syarikat Elite Manage-

ment iaitu penaja projek tanaman tersebut terpaksa membatalkan pembelian basil tanaman itu untuk dieksport ke Singapura. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	19

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tidak menyediakan bantuan khusus untuk membantu keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia susulan 57 kerbau mereka mati kerana diserang penyakit Haemorrhagic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah sejak 9 September lalu.

Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, pihaknya hanya menyediakan bantuan suntikan vaksin dan rawatan secara percuma sahaja, sebelum ini.

Beliau berkata, keluarga Muhammad Syukur difahamkan menerima bantuan

JPV tak sedia bantuan khusus kepada keluarga Mowgli Malaysia



vaksin dan rawatan secara percuma daripada JPV Terengganu sejak ternakannya disahkan mengidap HS.

“Saya difahamkan keluar-

ga Muhammad Syukur akan menerima bantuan daripada kerajaan negeri Terengganu selepas 57 kerbau mati kerana diserang HS.

“Bantuan berkenaan bukti keprihatinan kerajaan negeri terhadap penternak berkenaan yang mengalami kerugian besar selepas ternakannya mati mengejut,” katanya.

Anak nelayan terima pampasan

SUNGAI PETANI: Dua anak ke-pada nelayan yang lemas di muara sungai di Jeti Pengkalan Segantang Garam, Merbok di sini menerima wang pampasan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM38,556.

Mereka menerima pampasan itu di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Nelayan terbabit, Allahyarham Zulkifli Mohamad, 52, ditemuan lemas 20 Septembar lalu selepas bot yang dinaiki bersama abangnya, Jaafar, 57, dilanggar bot lain di tempat kejadian dua hari sebelum itu.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Othman Abdul Latiff berkata, dua anak mangsa, Muhammad Danial Ikmal, 18, dan Nur Diyana Basirah, 15, akan menerima pampasan itu sebanyak RM567 setiap bulan sehingga umur mereka mencapai 21 tahun.

"Bapa mereka telah men-carum skim itu bermula 15 Ogos lalu sehingga 14 Ogos 2021 ketika menjadi nelayan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita pada program penyerahan pampasan SKSPS di Taman Nelayan Tanjung Dawai di sini semalam.



OTHMAN Abdul Latiff (tengah) menyampaikan replika cek RM38,556 kepada Muhammad Danial Ikmal dan Nur Diyana Basirah pada program penyerahan pampasan SKSPS Perkeso di Merbok, Sungai Petani, semalam.

Turut hadir Ketua SKSPS Perkeso, Azhar Md. Nazri; Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Azrin Shah Ismail; Pengarah LKIM Kedah, Hamdan Mamat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, Hanif Ghazali.

Othman memberitahu, sehingga ini, seramai 42,000 daripada 98,000 nelayan dari seluruh negara menyertai skim

caruman tersebut.

Jelasnya, nelayan boleh menyertai skim itu dengan potongan elaun bantuan sara hidup nelayan RM157.20 setahun.

"Sehubungan itu, nelayan yang belum berbuat caruman itu perlu melakukannya supaya anggota keluarga boleh mendapat manfaat sama jika berlaku perkara tidak diingini ketika ke-luar ke laut," katanya.

29/9/2020

KOSMO

NIAGA

38

Dua usahawan tani Agrobank susun strategi ubah portfolio, perkukuh aliran tunai

Manfaatkan kelebihan moratorium

KUALA LUMPUR - Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan pada pertengahan Mac lalu telah banyak memberi kelebihan kepada usahawan tani muda Agrobank khususnya bagi Pengarah Urusan Farnox Plantation (M) Bhd., Ramana K. Naidu.

Bellau yang merupakan seorang bekas juruterbang yang terlibat dalam bidang pengeluaran jagung bijian dan pembekalan benih jagung import terpaksa menanggung pelbagai masalah ekoran wabak Covid-19.

Tetapi usahanya tidak terbantut di situ apabila beliau beralih kepada perniagaan penternakan dan penjualan lembu.

"Ketika itu saya dapat permintaan terhadap bekalan daging dari India semakin bertambah tetapi terdapat masalah



RAMANA

untuk membawanya masuk ke dalam negara.

"Orang ramai mengadu kekurangan bekalan daging lembu dan di situ timbul idea bagi saya untuk menternak lembu tempatan.

"Pada permulaannya saya membeli lembu daripada orang



HENG HAO

kampung dengan menggunakan lebihan aliran tunai daripada kemudahan moratorium yang diberikan Agrobank untuk dijadikan modal bagi tujuan ini.

"Sehingga Aidiladha yang lalu saya telah berjaya menjual kira-kira 400 ekor lembu," katanya.

Bellau berkata demikian pada

sesi webinar Agrobank, UMBI AGRO siri kedua yang bertajuk Pasca Moratorium: Bersediakah Usahawan Agro?" di sini baru-baru ini.

Turut hadir seorang lagi usahawan tani Agrobank, Pengurus Kualiti Pengeluaran, Jaya Nets Sdn. Bhd., Michael Chew Heng Hao.

Sementara itu, Heng Hao menjelaskan, kemudahan moratorium telah dimanfaatkan dengan menyusun strategi menambah baik strategi perniagaan dan menggunakan lebihan aliran tunai untuk menjaga pendapatan baharu.

"Usahawan harus berinovasi, bijak menguruskan kos dan perolehan bertepatan dengan memastikan tiada masalah aliran tunai untuk memastikan syarikat terus beroperasi dan pekerja dibayar gaji.

"Yang menjadi masalah kini adalah apabila syarikat mempunyai aliran tunai tetapi tidak mempunyai perancangan dan pastinya tanpa perancangan yang kukuh, syarikat akan lumpuh," katanya.

Heng Hao menjelaskan, syarikatnya menggunakan kelebihan cuaca panas di Malaysia untuk menjaga tenaga solar yang kemudian dijual dalam bentuk tenaga elektrik kepada Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melalui Program Net Energy Metering (NEM) di bawah Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) yang dikawal selia Suruhanjaya Tenaga.

Tambah beliau, hasil daripada cabang baharu perniagaan itu telah membantu syarikatnya membayar gaji pekerja dan pada masa yang sama dapat mengukuhkan aliran tunai syarikat.

29/9/2020

UTUSAN

DALAM

13

MALAYSIA

NEGERI

Pencemaran habuk kilang padiancam penduduk

JERAH: Lebih 100 penduduk di tiga kampung di Batu 17, Jalan Gurun di sini diancam pencemaran habuk sekam padi dari sebuah kilang di situ sejak 20 tahun lalu.

Penduduk dari Kampung Belida Mamak, Kampung Belida dan Kampung Titi Batu itu mendakwa kesihatan mereka terjejas dipercayai berpunca daripada pencemaran habuk sekam padi dari kilang berkenaan.

Seorang penduduk Kampung Belida Mamak, **Che Ali Ismail, 69**, berkata, pencemaran itu bertambah serius pada musim menuai padi.

"Ketika angin kuat, habuk ini berterbangan dan melekat pada

dinding serta tingkap malah memasuki ke dalam rumah sehingga mencemarkan makanan.

"Penduduk terpaksa menutup pintu dan tingkap rumah setiap masa. Malah ada yang tidur menggunakan kelambu bagi mengelak habuk sekam padi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Abdul Rashid Abd. Razak, 37, pula berkata, kebanyakan penduduk mengalami masalah gatal dan batuk berpanjangan dipercayai berpunca daripada pencemaran habuk sekam padi tersebut.

"Difahamkan, masalah pencemaran itu sudah dilaporkan kepada pihak berkuasa namun kilang tersebut masih ber-

operasi seperti biasa," katanya.

Seorang lagi penduduk, **Mohd. Khusaimi Che Ali, 34**, berkata, kilang padi tersebut yang terletak kira-kira 400 meter dari kawasan kampung mereka sepatutnya mengawal pelepasan habuk padi dan sekam bagi mengelakkan pencemaran.

"Kilang itu beroperasi sehingga ke tengah malam terutama pada musim menuai antara Ogos hingga September," katanya.

Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohd. Yusrizal Yusoff ketika dihubungi berkata, pihaknya telah menenterima aduan penduduk berkaitan masalah itu sebelum ini.



CHE Ali Ismail mencuci tingkap rumahnya yang dipenuhi habuk sekam padi dari sebuah kilang padi di Kampung Belida Mamak, Batu 17, Jalan Gurun, Jeral semalam.